

Seksyen 498 cegah perbuatan ditegah agama, adat Melayu

Oleh [Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain](#) - Disember 19, 2023 @ 10:24am
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan. - Bernama

Sistem politik tradisional Melayu sebenarnya sudah mempunyai tiga cabang kuasa, iaitu legislatif, eksekutif dan kehakiman berasaskan keperluannya ketika itu. Struktur pemerintahannya dipengaruhi adat Melayu mendaulatkan Islam sebagai undang-undang negeri melalui prerogatif diraja.

Fakta ini perlu diberikan perhatian sekiranya kita mahu mengupas pengenalan *Common Law England* di negeri Melayu sebelum merdeka terutama dalam polemik kesalahan jenayah berzina dengan isteri orang dan juga pemansuhan Seksyen 498 Kanun Keseksaan berkaitan menjenayahkan perbuatan lelaki menggoda isteri orang kerana diputuskan Mahkamah Persekutuan sebagai tidak berperlembagaan.

Dalam isu ini, kita boleh menyorot sistem pentadbiran keadilan di Terengganu, iaitu kesultanan dalam Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Terengganu pernah berada di bawah Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga, manakala undang-undangnya ketika itu terkandung dalam Hukum Kanun Johor.

Dalam Mukadimah Hukum Kanun Pahang (versi Winstedt & Kempe) terpakai di Johor, Pahang dan Perak, ada menjelaskan faqih dan menteri bertanggungjawab dalam pentadbiran keadilan.

Selepas Terengganu memiliki kesultanan tersendiri pada 1718, undang-undang negeri berhubungan jenayah dan mal (sivil) tetap berlandaskan hukum syarak dan adat Melayu.

Sultan Umar memerintah antara 1839 hingga 1875, menubuhkan Mahkamah Balai diadili baginda dengan nasihat mufti. Seawal 1885, Sultan Zainal Abidin III dengan persetujuan Jemaah Mesyuarat Negeri menggubal Undang-Undang Jabatan Bagi Segala Pangkat Pegawai Mahkamah Terengganu.

Selepas penempatan Ejen British di Terengganu susulan Perjanjian Terengganu 1910, Mahkamah Bersama untuk mengendalikan kes membabitkan rakyat British ditubuhkan yang diadili seorang Hakim Melayu dengan Wakil British sebagai assessor atau pengapit di Mahkamah Balai.

Undang-Undang Tertib Mahkamah, Bil 4, Tahun 1340H (1921M) menetapkan bidang kuasa buat Mahkamah Apil, Mahkamah Besar, Mahkamah Majistret Pangkat Yang Pertama, Mahkamah Majistret Pangkat Yang Kedua, Mahkamah Qadi dan Mahkamah Penghulu.

Mahkamah Besar diperuntukkan kuasa membicara dan memutuskan semua guaman mal serta jenayah mengikut undang-undang dan adat, kecuali hukuman qisas atau penjara melebihi tujuh tahun perlu kelulusan Sultan dalam Mesyuarat.

Mahkamah Qadi pula diberi kuasa untuk membicarakan dan memutuskan perkara berkenaan agama Islam, nikah cerai dan sebagainya dalam pergaduhan suami isteri.

Undang-Undang bertulis meskipun diperkenalkan mengikut nasihat pegawai British, ia perlu digubal Majlis Negeri dan diperkenankan Sultan. Antara prinsip pengenalan undang-undang British di Tanah Melayu adalah seperti dinyatakan Hakim Maxwell dalam kes Chulas Iwn Kolsom (1867):

"Soal sejauh mana *Common Law England* dapat dikuatkuasakan terhadap bangsa mempunyai agama dan undang-undang kelaziman berlainan beberapa kali timbul di mahkamah ini dan jarang sekali terlepas daripada kesulitan.

"Telah berkali-kali diputuskan sebagai doktrin dalam undang-undang kita bahawa peraturan tersebut tidak terpakai kepada bangsa itu apabila pemakaian peraturan itu akan membawa kezaliman dan penindasan.

"Oleh yang demikian, undang-undang bigamy tidak dikuatkuasakan terhadap orang Islam. Jika undang-undang jenayah boleh dilenturkan demi keperluan keadilan semula jadi, maka undang-undang sivil haruslah boleh dilenturkan juga, dan dalam keadaan ketika undang-undang kita sama sekali tidak sesuai bagi bangsa asing, maka undang-undang mereka sendiri mestilah digunakan atas prinsip dan sekatan yang sama seperti undang-undang asing."

Jenayah syariah di sebut dalam al-Quran

Prinsip pengenalan Common Law dan kaedah ekuiti turut digubal dalam Enakmen Undang-Undang Sivil 1937 yang mensyaratkan amalan kedua-duanya akan berkuat kuasa di Negeri Melayu Bersekutu itu hanya setakat diizinkan keadaan tempatan Negeri Melayu Bersekutu dan penduduknya serta tertakluk kepada apa-apa syarat yang keadaan tempatan menjadikannya perlu.

Enakmen berkenaan hanya diluaskan di Negeri Melayu Tidak Bersekutu melalui Ordinan Undang-Undang Sivil (Perluasan), 1951.

Kesalahan berzina dengan isteri orang menjadi jenayah syariah disebut dalam al-Quran: "*Penzina Perempuan dan penzina lelaki hendaklah disebat setiap seorang 100 kali.*" (Surah Al-Nur: 12)

Jika mereka sudah berkahwin, maka hendaklah direjam hingga mati, melainkan mereka bertaubat sebelum didakwa maka menurut salah satu pendapat fuqaha', pertuduhan berkenaan digugurkan.

Dalam Bab VII Hukum Kanun Pahang dinyatakan: "Peri pada menyatakan hukum segala orang berzina dengan isteri orang atau dengan ke'aifannya orang, jikalau didapatnya oleh yang empunya isteri atau dengan kata seorang saksi yang benar, jikalau hamba orang sekalipun, ia dibunuuh."

Kesalahan berzina dengan isteri orang turut termaktub dalam Kanun Kesekeaan yang digubal pada 1935 dengan mengambil kira keadaan tempatan di Tanah Melayu. Seksyen 498 berbunyi: "Barang siapa membawa atau memikat pergi seseorang perempuan yang menjadi dan yang ia ketahui atau ada sebab mempercayai sebagai isteri orang itu, dengan niat supaya perempuan itu boleh melakukan persetubuhan yang ditegah dengan mana-mana orang... hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya."

Peruntukan Seksyen 498 tidak boleh disifatkan sebagai peruntukan kuno dan anakronistik yang berasal dari zaman Victoria apabila wanita dianggap sebagai harta peribadi lelaki atau diperlakukan seperti hamba pada abad lalu, sebaliknya ia menjenayahkan perbuatan ditegah oleh Allah SWT dan adat Melayu yang menjadi sumber perundangan tempatan sehingga kini.

Menghalalkan isteri berzina bukan sahaja mengembalikan gaya hidup zaman jahiliah, malah menafikan hak isteri lelaki berzina dengan isteri orang untuk hidup dalam ikatan perkahwinan suci.

Kesan pemansuhan seksyen 498 tidak membawa kepada apa-apa ubah suaian untuk menyelaraskan dengan peruntukan Perlumbagaan, sebaliknya percanggahan serius dengan Perkara 8(5)(a) yang menyentuh pengawalan selia undang-undang diri dan hak kebebasan beragama dikawal oleh prinsip ketenteraman awam, kesihatan awam dan kemoralan.

Penulis adalah Profesor Madya Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Tamadun (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH